



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 16 / 2025

PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI:
SPR SALUR RM100,000 KEPADA
SMK AGAMA SEGAMAT

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) hari ini telah menyerahkan peruntukan berjumlah RM100,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Segamat, Johor, menerusi inisiatif **Program Sekolah Angkat MADANI 2025**. Program ini dilaksanakan susulan peluncuran peringkat kebangsaan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Jun 2025.
2. Majlis penyerahan peruntukan telah diadakan di SMKA Segamat, pada jam 2.30 petang, dengan dihadiri warga sekolah, pegawai SPR serta wakil daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Pejabat Pendidikan Daerah Segamat. Dalam majlis ini, **YBhg. Datuk Khairul Shahril bin Idrus, Setiausaha SPR**, telah menyempurnakan simbolik penyerahan *mock cheque* peruntukan kepada Pengetua SMKA Segamat, Ustaz Mohd Salleh bin Mohd Noor, disaksikan oleh wakil Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Encik

Mohd Khairi bin Mabbai dan Pegawai Pendidikan Daerah Segamat,
Tn. Hj Abdul Rahman bin Hj Kechik.

3. Dalam mesyuarat bersama SPR pada bulan Mei lalu, pihak sekolah bersama wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) telah mengutarakan pelbagai keperluan melibatkan aspek infrastruktur fizikal, ICT serta pembangunan guru dan pelajar. Berdasarkan peruntukan yang disediakan, SPR telah meluluskan beberapa program utama meliputi empat (4) komponen berikut:
 - i. **Pembangunan kurikulum** menerusi Program Akademik Pelajar SPM / STPM dan Program Menuju STEM berjumlah **RM31,000**;
 - ii. **Pembangunan sahsiah dan kokurikulum** merangkumi kem kepimpinan dan program penghayatan hadis dengan jumlah **RM12,000**;
 - iii. **Pembangunan profesionalisme guru** meliputi program latihan dalam perkhidmatan (LADAP Digital) berjumlah **RM5,000**; dan
 - iv. **Keperluan ICT** iaitu pembekalan 2 unit *interactive whiteboard* bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan 50 unit komputer tablet untuk kegunaan pelajar dengan jumlah **RM52,000**.
4. Program ini diharapkan menjadi pemangkin dalam peningkatan penyampaian pendidikan yang berkualiti, inklusif dan progresif, selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi masa depan yang berdaya saing, berpengetahuan dan berakhlak mulia. Melalui peruntukan yang disalurkan, warga sekolah bukan sahaja

dapat menikmati kemudahan pembelajaran yang lebih moden dan interaktif, malah berpeluang meningkatkan tahap pencapaian akademik serta sahsiah diri. Dalam masa yang sama, pelaksanaan program ini menzahirkan tanggungjawab sosial dan komitmen SPR untuk terus berganding bahu dengan pelbagai pihak dalam membangunkan ekosistem pendidikan negara yang mampan dan holistik.

#TAMAT#

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

30 Julai 2025 / 5 Safar 1447 Hijrah